

Fandyi Sanizan Jurup



Presiden Majlis Perwakilan
Pelajar Sesi 2013/2014
Universiti Malaysia Sabah

BH 27.2.2014 V13

Wujudkan KR1M di kampus

Kenaikan harga barangan turut dirasai golongan mahasiswa, dan sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dalam kampus.

Kebajikan mahasiswa terjejas berikutan kebanyakan harga barangan keperluan naik secara mendadak sejak kebelakangan ini, justeru pewujudan KR1M yang menawarkan produk pada harga jualan sehingga 50 peratus lebih rendah amat diperlukan.

Biarpun berharga lebih murah, kualiti barangan di KR1M sama seperti yang berjenama, manakala jenis produk dijual menepati kehendak mahasiswa seperti barangan keperluan harian dan makanan.

Bagaimanapun, terpujang kepada kerajaan sama ada mengekalkan atau tidak namanya sebagai KR1M jika kedai berkenaan diwujudkan dalam kampus.

Sekiranya cadangan itu dapat direalisasikan, mahasiswa terutama di

kampus yang jauh dari bandar, pasti boleh menarik nafas lega kerana tidak lagi perlu ke bandar untuk membeli barangan keperluan, seterusnya dapat menjimatkan perbelanjaan mereka.

Maklum balas positif

Dalam konteks ini, perancangan bajet penting kerana selain pembiayaan pinjaman atau biasiswa, mahasiswa tiada sebarang pendapatan tetap untuk menampung kos sara hidup mereka.

Waktu operasi KR1M

yang sedia ada dari jam 7 pagi hingga 11 malam juga boleh diadaptasi bagi memudahkan mahasiswa mendapatkan barangan tanpa perlu keluar dari kawasan kampus.

Cadangan ini sudah diutarakan kepada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam satu pertemuan ketika lawatan Universiti Malaysia Sabah ke kediaman rasmi pemimpin nombor dua negara itu.

Secara dasarnya, beliau memberi maklum balas positif untuk mempertimbangkan cadangan itu pada peringkat Kementerian Pendidikan dan jika berjaya dilaksanakan, beban mahasiswa dalam menghadapi cabaran kenaikan harga barangan sekarang dapat diringankan.

